

Inovasi *Simply Curve*: Alat Bantu Mengajar Dalam Pembuatan Pola Pakaian

¹Noor Hana, Othman, ²Muhammad Hisyam, Zakaria, & ³Nasa'ie, Zainuddin

¹Kolej Komuniti Selayang, Batu Caves, Selangor

²Fakulti Senilukis & Senireka, Universiti Teknologi MARA Shah Alam

³Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam

*Corresponding author e-mail: noorhana@kkselayang.edu.my

Published: 01 August 2021

Abstrak: Pembuatan pola adalah proses untuk membuat pakaian. Pola digunakan sebagai templat untuk memotong kain yang sesuai dengan spesifikasi yang diperlukan untuk menjahit pakaian. Kaedah pembuatan pola pakaian menggunakan beberapa peralatan pembaris yang berbeza. Pembaris tradisional yang digunakan sebelum ini bukan sahaja panjang, tetapi kadangkala terlalu sukar dibawa ke mana-mana malah ramai dalam kalangan pelajar yang menghadapi kesukaran melukis pola pakaian. Kaedah penyelidikan ini berdasarkan pemerhatian. Pemerhatian terhadap pelajar-pelajar kursus sijil fesyen dan pakaian di Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Raub, Kolej Komuniti Baling dan Kolej Komuniti Arau. Data primer diperolehi daripada pemerhatian terhadap para pelajar semasa proses membuat pola pakaian. *Simply Curve* merupakan inovasi pembaris yang direka khas khususnya dalam pembuatan pola pakaian. Kajian ini dijalankan berdasarkan dua data utama iaitu data primer dan data sekunder termasuk pemerhatian terhadap para pelajar semasa proses membuat pola pakaian dan juga diperolehi daripada tinjauan literatur, jurnal dan juga dari buku. Prototaip juga dihasilkan mengambil kira beberapa faktor fungsi seperti dilengkapi dengan pelbagai ukuran basi, pembuatan seluar, acuan lubang leher baju, membentuk pada lubang lengan, bentuk pinggang, punggung, leher, cawat seluar, kepala lengan serta mudah dibawa kemana sahaja. *Simply Curve* ini dapat membantu pelajar kerana membolehkan kerja melakar pola seperti mendapatkan garisan lebih tepat dengan hanya satu peralatan dimana sebelum ini pelajar perlu menggunakan beberapa jenis pembaris yang berasingan. Melalui hasil inovasi *Simply Curve* ini, proses melakar pola pakaian menjadi lebih mudah dan cepat serta lebih praktikal.

Kata Kunci: Inovasi, Pembaris, Pola, Pakaian, Pembuatan

1. Pengenalan

Pembuatan pola adalah proses untuk membuat pakaian. Pola digunakan sebagai templat untuk memotong kain yang sesuai dengan spesifikasi yang diperlukan untuk menjahit pakaian (Purnamasari, 2015). Ini mempengaruhi jenis kain, pakaian yang sesuai pada pemakainya, dan apa-apa hiasan yang akan digunakan. Pola ini digunakan untuk membuat kain 2D duduk dengan betul pada badan 3D (Suryani & Yahya, 2018).

Kaedah pembuatan pola pakaian yang paling biasa adalah pola bentuk 2D. Pola bentuk 2D ini dilakukan dengan menggunakan beberapa peralatan seperti kertas pola, *French curve*, pembaris lurus, dan pensil (Jaafar, 2017).

Penggunaan beberapa peralatan dalam menghasilkan pola pakaian agak merumitkan, hal ini menyebabkan para pelajar perlu membawa beberapa alatan untuk membuat pola pakaian (Castro, Andres & Prestoza, 2018). Pembaris tradisional yang digunakan sebelum ini bukan sahaja panjang, kadangkala terlalu sukar dibawa ke mana-mana malah ramai dalam kalangan pelajar yang menghadapi kesukaran melukis pola pakaian (Razali, 2018). Tambahan pula, jika salah satu alatan tertinggal atau lupa untuk dibawa, hal ini akan mengganggu dalam proses untuk membuat pola pakaian dan tidak dapat disiapkan sepenuhnya pada satu-satu tempoh masa.

Tujuan inovasi *Simply Curve* adalah menggunakan konsep *all in one* iaitu gabungan beberapa pembaris untuk memberi bentuk pada penghasilan pola pakaian. Sebagai contoh, bahagian yang melengkung berfungsi bagi memberi bentuk pada keruk lubang lengan, membentuk pinggang, membentuk keruk kelengkang atau cawat seluar, memberi bentuk punggung dan sebagainya. Tambahan pula, ukuran basi yang terdapat pada tepi garisan lurus berfungsi sebagai tanda ukuran basi jahitan. Selain itu, terdapat acuan khas iaitu lubang leher baju kurung yang bersaiz M dan L. Ia


merupakan piawai ukuran yang digunakan oleh industri pakaian. Terdapat juga nota kecil yang disediakan bertujuan bagi memudah pelajar untuk memahami cara bacaan pita ukur dan tanda-tanda simbol pola.

2. Kajian Literatur

2.1 Teori Yang Diguna Dalam Kajian: Kitaran Proses Reka Bentuk Iteratif (Barry & Beckman 2008)

Penyelidikan berasaskan projek adalah teknik penyelidikan reka bentuk dan pengembangan praktikal kerana membolehkan penyelidik menetapkan keperluan untuk memahami perincian penting terutama dalam pendekatan penyelesaian masalah (Kamaruddin, 2019). Penyelesaian inovatif yang difokuskan pada keperluan pengguna dapat disampaikan melalui Proses Reka Bentuk Iteratif berdasarkan penyelidikan dan eksperimen (kitaran proses reka bentuk berulang). Definisi ringkas iterasi yang berkaitan dengan penyelidikan ini adalah kemajuan reka bentuk melalui tahap abstraksi atau tahap reka bentuk yang berbeza, menentukan dan menyempurnakan penyelesaian reka bentuk sambil maju dari konsep awal ke reka bentuk yang lebih terperinci (Woods, 2006). Konsep “iterasi” ini dianggap sebagai bahagian tidak terpisahkan dari setiap aktiviti reka bentuk dan ciri semula jadi kemahiran reka bentuk (Wolfer, 2006). Dalam model sebagai fungsi simbolik kitaran berulang reka bentuk, operasi mewakili mekanisme di mana unsur-unsur misi reka bentuk dikaji dan diselesaikan. Selanjutnya, iterasi dapat dimodelkan sebagai operasi yang diarahkan pada tujuan yang melibatkan pengumpulan dan penyaringan maklumat mengenai masalah, pelacakan kemajuan dan pemahaman, dan mengkaji kemungkinan solusi. Proses reka bentuk berulang itu dilaksanakan untuk membuat inovasi *simply curve* iaitu alat bantu mengajar dalam pembuatan pola pakaian.

Menurut Barry & Beckman (2008), model proses ini mengatur proses penyelesaian masalah menjadi empat kategori: mencari masalah (memerhati dan menyelidiki), memilih masalah (menyusun semula dan mengontekstualisasikan), mencari penyelesaian (menumpukan dan menetapkan keperluan pengguna teras), dan memilih penyelesaian (bereksperimen dan prototaip) Menurut Barry & Beckman (2008), kitaran proses pemikiran reka bentuk berkembang melalui “apa” dalam kenyataan (konteks), kemudian disuling ke model “apa itu” (wawasan) dan model “apa yang mungkin” (idea), yang pada akhirnya terwujud dalam “apa yang boleh menjadi” penyelesaian (artifak), misalnya, prototaip atau intervensi.



Rajah 1. Proses penyelesaian masalah dalam Model Kitaran Proses Reka Bentuk Iteratif (Barry & Beckman 2008).

3. Metodologi Kajian

3.1 Rekabentuk Penyelidikan

Kaedah penyelidikan ini berdasarkan pemerhatian. Pemerhatian seperti namanya, adalah cara mengumpulkan data melalui pemerhatian. Kaedah pengumpulan data pemerhatian diklasifikasikan sebagai kajian partisipatif, kerana penyelidik harus membenamkan diri dalam suasana di mana respondennya, sambil membuat catatan dan atau rakaman (Kamaruddin, 2019).


Menurut Kamaruddin (2019) pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data boleh berstruktur atau tidak berstruktur. Dalam pemerhatian berstruktur atau sistematik, pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan pemboleh ubah tertentu dan mengikut jadual yang telah ditentukan. Pemerhatian tidak berstruktur, di sisi lain, dilakukan secara terbuka dan bebas dalam arti bahawa tidak akan ada pemboleh ubah atau objektif yang telah ditentukan sebelumnya.

Kelebihan kaedah pengumpulan data pemerhatian termasuk akses langsung ke fenomena penyelidikan, tahap fleksibiliti yang tinggi dari segi aplikasi dan menghasilkan catatan fenomena tetap yang akan dirujuk kemudian. Pada

masa yang sama, kaedah pemerhatian dirugikan dengan keperluan masa yang lebih lama, tahap pemerhatian pemerhatian yang tinggi, dan kesan pemerhati terhadap data primer, dengan cara kehadiran pemerhati dapat mempengaruhi tingkah laku elemen kumpulan sampel.


Penting untuk diperhatikan bahawa kaedah pengumpulan data pemerhatian mungkin berkaitan dengan masalah etika tertentu. Persetujuan sepenuhnya dari peserta kajian adalah salah satu pertimbangan etika asas yang harus dipatuhi oleh penyelidik. Pada masa yang sama, tingkah laku ahli kumpulan sampel boleh berubah dengan implikasi negatif terhadap tahap kesahan penyelidikan jika mereka diberitahu tentang kehadiran pemerhati. Pemerhatian terhadap pelajar-pelajar kursus sijil fesyen dan pakaian di Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Raub, Kolej Komuniti Baling dan Kolej Komuniti Arau. Data primer diperoleh daripada pemerhatian terhadap para pelajar semasa proses membuat pola pakaian manakala data sekunder diperoleh daripada tinjauan literatur, jurnal dan juga dari buku. Selepas kombinasi dari kedua-dua data ini, penyelidik mula membuat pengumpulan data, analisis dan dapatan kajian. Prototaip juga dilakukan dengan cara eksperimen yang mengambil kira beberapa factor utama seperti fungsi, kebolehsanaan, bahan yang digunakan untuk membuat *simply curve* dan juga pengujian. Setelah melalui semua proses-proses tersebut, maka produk akhir akan dihasilkan.

Terdapat dua data utama dalam kajian iaitu data primer dan sekunder (Kamaruddin, 2019). Kaedah penyelidikan berdasarkan pemerhatian. Pemerhatian terhadap pelajar-pelajar kursus sijil fesyen dan pakaian di Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Raub, Kolej Komuniti Baling dan Kolej Komuniti Arau. Data primer diperoleh daripada pemerhatian terhadap para pelajar semasa proses membuat pola pakaian manakala data sekunder diperoleh daripada tinjauan literatur, jurnal dan juga dari buku. Selepas kombinasi dari kedua-dua data ini, penyelidik mula membuat pengumpulan data, analisis dan dapatan kajian. Prototaip juga dilakukan dengan cara eksperimen yang mengambil kira beberapa faktor utama seperti fungsi, kebolehsanaan, bahan yang digunakan untuk membuat *simply curve* dan juga pengujian. Setelah melalui semua proses-proses tersebut, maka produk akhir akan dihasilkan.



Rajah 2. Rekabentuk penyelidikan inovasi *Simply Curve*

3.2 Aliran Kajian



Rajah 3. Aliran penyelidikan inovasi *Simply Curve*


4. Hasil Dapatan Dan Perbincangan

Kaedah inovasi yang dilaksanakan adalah untuk mengetahui penghasilan pola yang diguna pakai iaitu pemerhatian terhadap pelajar, temubual bersama tenaga pengajar dan kajian sendiri bagi masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika melakar pola. Daripada kajian yang dijalankan mendapati bahawa penghasilan sesuatu pola memerlukan pemahaman dan penguasaan penggunaan peralatan yang betul di dalam proses melakar pola.

4.1 Perbezaan Diantara Sebelum Dan Selepas Inovasi

Jadual 1: Perbezaan diantara sebelum dan selepas inovasi

Kaedah Lama	Kaedah Baru (Inovasi)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Garisan tepat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dapat garisan lebih tepat
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Banyak guna peralatan tambahan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak banyak menggunakan peralatan yang banyak
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Basi jahitan tidak sama 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Basi jahitan sama
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ukuran tidak berapa tepat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ukuran lebih tepat



4.2 Fungsi *Simply Curve*


Inovasi yang telah dilakukan kepada produk *Simply Curve* telah menambahkan lagi fungsi daripada alatan jahitan atau pembaris pola sedia ada di pasaran. Dengan adanya penambahbaikan dalam produk *Simply Curve* ini, ianya akan memberi manfaat kepada pelajar rekaan fesyen dan orang ramai yang ingin menjana pendapatan melalui perniagaan berasaskan jahitan. Dalam penciptaan inovasi *Simply Curve* ini, melalui dapatan kajian dan pemerhatian yang dijalankan, antara permasalahan yang wujud dalam proses pembuatan pola adalah kekeliruan dalam pembacaan ukuran pada pembaris sedia ada dalam membaca bacaan pita ukur dalam tandan pola, tandan ukuran jahitan basi seperti ½ inci, 1 inci, 1 ½ inci dan 1 ¾ inci. Dalam masa yang sama, fungsi utama yang paling ditekankan dalam inovasi *Simply Curve* ini adalah pembaris yang berkonsepkan *all in one* dimana ianya direka tanpa had umur di mana ianya direkabentuk untuk membolehkan kerja-kerja melukis pola pakaian sama ada kepada golongan dewasa mahu pun juga kanak-kanak di mana boleh membentuk pola lubang lengan, bentuk pinggan, punggung, leher, cawat seluar, kepala lengan dan pelbagai bentuk lain dalam pembuatan merajah pola pakaian dengan hanya menggunakan satu pembaris.

Bagi memudahkan proses merajah pola pakaian, *Simply Curve* juga menyediakan acuan leher asas baju lelaki dan wanita dengan menggunakan ukuran standard pakaian iaitu M dan L dan acuan lapik leher untuk memudahkan proses merajah pola pakaian. Ciri unik *all in one* yang terdapat dalam produk inovasi *Simply Curve* ini direka bentuk dengan menggabungkan beberapa jenis pembaris pola jahitan yang telah sedia ada dalam pasaran semasa.

4.2.1 Rujukan Nota Kecil Cara Bacaan Pita Ukur Dan Tanda-Tanda Pola

Dalam penciptaan produk inovasi *Simply Curve* ini, melalui dapatan kajian dan pemerhatian yang dijalankan, antara permasalahan yang wujud dalam proses pembuatan pola adalah kekeliruan dalam pembacaan ukuran pada pembaris sedia ada dalam membaca bacaan pita ukur dalam tandan pola seperti bacaan hujung yang tepat pada pembaris sedia ada seperti 1/8, ¼, 3/8, 1/2, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam produk inovasi *Simply Curve* ini, pembacaan pita ukur menjadi


lebih mudah dan dapat menyelesaikan kekeliruan di mana ianya disertakan dengan nota kecil sebagai rujukan kepada perajah pola pakaian dalam membaca pita ukur dan simbol yang digunakan dalam tandaan pola yang tepat.



Rajah 4. Nota kaki pembaris *Simply Curve*

4.2.2 Ukuran Jahitan Basi 1/2 Inchi, 1 Inchi, 1 1/2 Inchi Dan 1 3/4 Inchi

Selain itu, inovasi pembaris *Simply Curve* ini juga memudahkan lagi perajah pola pakaian dalam menambahkan fungsi tandaan ukuran bagi basi jahitan dimana ianya disertakan ruang tambahan basi jahitan sama ada 1/2 inci, 1 inci, 1 1/2 inci dan 1 3/4 inci. Dengan adanya acuan penambah ukuran basi jahitan ini, ianya akan menjimatkan masa kepada tukang potong fabrik dan tukang jahit untuk menanda kelonggaran dan garisan untuk memulakan jahitan agar pakaian terbentuk dan boleh dipakai dengan selesa.



Rajah 5. Kepelbagaian basi yang terdapat dalam pembaris *Simply Curve*

4.2.3 Memberi Bentuk Pada Lubang Lengan, Bentuk Pinggang, Punggung, Leher, Cawat Seluar, Kepala Lengan


Fungsi utama yang paling ditekankan dalam inovasi *Simply Curve* ini adalah pembaris yang berkonsepkan *all in one* di mana boleh membentuk pola lubang lengan, bentuk pinggang, punggung, leher, cawat seluar, kepala lengan dan pelbagai bentuk lain dalam pembuatan merajah pola pakaian dengan hanya menggunakan satu pembaris.



Rajah 6. Fungsi lengkung pada pembaris untuk membentuk pola lubang lengan, bentuk pinggang, punggung, leher, cawat seluar, kepala lengan

4.2.4 Acuan Leher Baju Kurung Saiz M Dan L Dan Lapik Leher

Bagi memudahkan proses merajah pola pakaian, *Simply Curve* juga menyediakan acuan leher asas untuk baju lelaki dan wanita iaitu ukuran saiz M dan L dan juga acuan lapik leher untuk memudahkan proses merajah pola pakaian.



Rajah 7. Terdapat pelbagai bentuk acuan leher pakaian iaitu M dan L dan juga acuan lapik leher.

4.3 Kaedah Penggunaan

Inovasi yang terdapat dalam pembaris *Simply Curve* adalah sangat bijak di mana ciri uniknya adalah satu pembaris pola yang mempunyai banyak fungsi. *Simply Curve* merupakan pembaris bersudut tepat 90 darjah di mana ianya dapat membentuk garisan pola sama ada garisan menegak dan melintang yang dapat dilukis dengan tepat. Direkabentuk dengan menggabungkan beberapa jenis pembaris pola jahitan yang telah sedia ada di dalam pasaran. Dengan kata lain dengan hanya satu pembaris terdapat gabungan beberapa jenis fungsi pembaris lain seperti dapat membentuk lubang lengan, membentuk garisan pinggang, membentuk pinggul, membentuk leher, tanda-tanda pola, membentuk kepala lengan dan lengan, membentuk cawat seluar dan seluar, membentuk lubang leher dan leher.

4.3.1 Membuat Lubang Lengan

Dengan menggunakan pembaris *Simply Curve*, perajah pola pakaian dapat melukis dan membentuk lengkungan lubang lengan dengan lebih mudah. Rekabentuk lengkungan lubang ketiak dengan sudut melengkung pada *Simply Curve*


memudahkan kerja merajah pola ini dengan cara mengubahsuai kedudukan pembaris *Simply Curve* mengikut kesesuaian bentuk lengkungan lubang lengan yang diinginkan mengikut kepada ukuran badan yang telah di ambil. Hasil yang diperolehi dengan menggunakan *Simply Curve* adalah lebih tepat dan terbentuk lebih cantik dan selesa daripada pembaris yang sedia ada dalam pasaran.



Rajah 8. Cara membentuk pola lubang lengan

4.3.2 Membentuk Garisan Pinggang

Selain itu, *Simply Curve* juga dapat membentuk garisan pinggang yang lebih selesa dimana seperti yang diketahui bentuk badan manusia adalah tidak lurus sebaliknya melengkung. Melalui *Simply Curve* ini ianya dapat memberikan ilusi ramping atau kurus kepada pengguna pakaian.



Rajah 9. Cara membentuk pola pinggang

4.3.3 Membentuk Pinggul


Dalam masa yang sama, dengan menggunakan *Simply Curve* juga, proses membentuk pinggul adalah lebih tepat kerana lengkungan yang terdapat pada pembaris *Simply Curve* di rekabentuk berdasarkan kepada formula yang tepat dan tidak akan membentuk pinggul yang terlalu besar dan melengkung ke luar yang akan mencacatkan pembentukan asas pakaian.



Rajah 10. Cara membentuk pola pinggul.

4.3.4 Membentuk Leher


Inovasi *Simply Curve* juga dalam membentuk acuan leher yang bulat dengan menggunakan kaedah pengiraan yang tepat dan lengkungan yang sempurna. Dengan menggunakan *Simply Curve* ini, bentuk leher yang dihasilkan adalah lebih cantik dan tidak terlalu lebar seperti menggunakan pembaris sedia ada di pasaran.



Rajah 11. Cara membentuk pola leher

4.3.5 Simbol Yang Terdapat Pada Pembaris

Simply Curve juga mempunyai penambah baik yang menjimatkan masa dalam merajah pola pakaian di mana pembaris ini mempunyai acuan bentuk lisu atau dart di mana perajah pola hanya perlu melakar bentuk acuan lisu yang telah disediakan dalam pembaris ini. Malahan sekiranya terdapat kekeliruan dalam membaca simbol jahitan perajah boleh rujuk nota yang telah disediakan seperti symbol ira kain, tanda lipatan, dan sebagainya.




Rajah 12. Nota kaki yang terdapat pada pembaris *Simply Curve*

4.3.6 Membentuk Pola Lengan Baju

Melalui pemerhatian dan pembacaan antara permasalahan utama pelajar dan juga perajah pola dalam pembuatan pola pakaian adalah dalam membentuk kepala lengan dan lengan yang sempurna semasa merajah pola. Walau bagaimanapun, melalui inovasi *Simply Curve* ini, masalah ini dapat diselesaikan dengan senang di mana bentuk melengkung yang terdapat dalam *Simply Curve* juga dapat digunakan untuk membentuk kepala lengan dan lengan dengan cepat dan mudah tanpa memerlukan bantuan pembaris membentuk kepala lengan yang sedia ada dalam pasaran. Inovasi ini juga dapat menjimatkan masa dalam pembuatan merajah pola pakaian selain daripada menghasilkan bentuk kepala lengan yang cantik dan selesa.






Rajah 13. Cara membentuk pola lengan baju

4.3.7 Membentuk Cawat Seluar Dan Pola Seluar

Seterusnya, selain daripada membentuk pola baju, *Simply Curve* juga boleh di gunakan dalam merajah pola seluar dimana ianya juga boleh digunakan dalam membentuk cawat seluar dan pola seluar. Dengan adanya inovasi dan penambah baikan pada pembaris *Simply Curve* ini, kerja-kerja merajah pola adalah lebih tepat, cepat, selesa dan mudah kepada pelajar rekaan fesyen dan masyarakat di luar sana yang terlibat dalam industri pembuatan pakaian.






Rajah 14. Cara membentuk cawat seluar dan pola seluar

4.3.8 Membentuk Lubang Leher Dan Pelapik Leher

Akhir sekali, ciri unik yang disediakan dalam pembaris *Simply Curve* ini adalah acuan asas dalam membentuk lubang leher dan pelapik leher. Fungsi acuan ini adalah sangat memudahkan terutamanya kepada usahawan industri jahitan yang menghasilkan produk pakaian berasaskan *Ready to Wear* di mana acuan leher yang terdapat dalam *Simply Curve* boleh digunakan dalam pembuatan baju kurung dan baju asas lain. Dengan adanya acuan leher ini ianya akan memudahkan lagi proses pembuatan ini.



Rajah 15. Cara membentuk lubang leher dan pelapik leher

5. Kesimpulan

Secara Konklusinya, inovasi *Simply Curve* ini dapat menguntungkan para pelajar dan juga tenaga pengajar kerana alat bantuan ini amat menjimatkan masa dalam proses penghasilan pola pakaian berbanding pembaris tradisional. Dalam masa yang sama, dengan adanya pembaris *Simply Curve* ini masalah ruang juga dapat diselesaikan di mana kebiasanya semasa melakukan merajah pola, terdapat banyak pembaris yang digunakan dan diletakkan di sisi meja, walau bagaimanapun, dengan adanya satu pembaris dengan pelbagai fungsi, masalah ruang dapat dikurangkan di mana proses merajah pola boleh digunakan dengan hanya satu pembaris. Secara tidak langsung, inovasi ini sangat efisien bagi meningkatkan serta memberi tumpuan dalam pembelajaran dan pengajaran malah penyebaran ilmu secara tidak langsung dalam kalangan pelajar, tenaga pengajar dan penggiat industri pakaian dalam negara.

Rujukan

- Barry, M. & Beckman, S, L. (20028). Innovation as a Learning Process: Embedding Design Thinking. Retrieved January 13, 2021, from <https://isfcolombia.uniandes.edu.co/images/documentos/designthinkingdoc.pdf>
- Castro, M. R. D., Andres, P. D., & Prestoza, M. J. R. (2018). The Teaching Techniques and Strategies Use by the Dressmaking Teachers Perceive by the Dressmaking Students. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 8, 48-56. <https://doi.org/10.37134/ajatel.vol8.5.2018>.
- Jaafar, R. (2017, October, 21). Pola Pakaian Ciptaan Rosita Jadi Rujukan Tiga Negara. *Berita Harian Online*. Retrieved January 15, 2021, from <https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2017/10/340072/pola-pakaian-ciptaan-rosita-jadi-rujukan-tiga-negara>.
- Kamaruddin. N. (2019). What, Why And How To Do Research: A General Guide for Art & Design Students to the Research Process. Alor Gajah. Melaka. Penerbit Fakulti Seni Lukis & Senireka UiTM.
- Kamaruddin, N. (2019). Research, Background Studies & Documentation: A Simple Guide for A New Researcher in Art & Design. Beau Bassin. Mauritius: Lambert Academic Publishing.
- Purnamasari, N, S, I. (2015). Pengembangan Multimedia Interaktif Pembuatan Pola Dasar Busana Wanita. Retrieved February 27, 2021 from http://repository.upi.edu/18069/4/S_PKK_1000446_Chapter1.pdf
- Razali, N. (2018, February 23). Cipta Pembaris Pola Mudahkan Jahit Pakaian. *Berita Harian Online*. Retrieved March 1, 2021, from <https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2018/02/391845/cipta-pembaris-pola-mudahkan-jahit-pakaian>
- Suryani, H. & Yahya, M. (2018). The Effectiveness of Clothing Pattern Making Training with CAD-based System on Fashion Students. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, VOL. 201, 311-316.
- Wolfer, L. (2006). *Real Research : Conducting and Evaluating Research in the Social Science*. United States of America: Pearson Education Inc.
- Woods, P. (2006). *Successful Writing for Qualitative Researchers (Second)*. London: Routledge Taylor & Francis Group.